MSWG
MINORITY SHAREHOLDERS WATCH GROUP
BADAN PENGAWAS PEMEGANG SAHAM MINORITI BERHAD
(Incorporated in Malaysia . Registration No. 200001022382 (524989-M))

# The Observer

**15.03.2024**

## ❖ Faktor utama yang perlu dipertimbangkan sebelum melabur dalam ETF

Dana Dagangan Bursa (*Exchange Traded Fund,* ETF) berjaya menarik minat pelabur global sebagai kelas pelaburan baharu kerana mereka menyediakan pelbagai jenis ETF untuk pelabur membuat pelaburan iaitu daripada indeks bursa saham, komoditi, ekuiti, bon dan baru-baru ini, bitcoin.

Bursa Malaysia juga telah memperkenalkan ETF kepada pasaran tempatan, namun jumlah dagangan ETF di Bursa masih rendah. Ini berikutan pelabur belum biasa dengan ETF disebabkan kurang pengetahuan dan pemahaman tentang dana itu.

Sebelum kita mengorak langkah memulakan perjalanan pelaburan ETF, kita perlu melengkapkan diri dengan pengetahuan yang berkaitan ETF untuk mendapatkan keuntungan daripadanya.

Berikut adalah beberapa faktor utama yang perlu dipertimbangkan apabila seseorang ingin melabur dalam ETF:

**1) Tujuan pelaburan**

Kita perlu menetapkan matlamat pelaburan sendiri. Jika kita ingin mendapatkan pendedahan kepada pasaran tertentu, seperti tenaga atau teknologi, kita boleh mencari ETF yang mengikuti indeks sektor yang sepadan. Begitu juga jika kita berhasrat untuk mendapatkan pendedahan umum yang meluas, maka carilah ETF yang menjejaki indeks yang luas, seperti FTSE Bursa Malaysia KLCI ETF, FBM KLCI-EA.

**2) Saiz latar belakang ETF**

Saiz dana ETF boleh menjadi petunjuk kepada populariti dan penerimaannya oleh pelabur. ETF dengan saiz dana yang besar memberikan gambaran kestabilan dan kecairan yang lebih tinggi. Walau bagaimanapun, pada masa yang sama, dana yang besar bermakna kurang fleksibiliti untuk melaksanakan strategi pelaburan. Oleh itu, pelabur perlu menilai dengan teliti pembolehubah ini untuk disesuaikan dengan keperluan dan keutamaan masing-masing.

**3) Rekod prestasi dan prestasi ETF**

Meneliti prestasi masa lalu ETF boleh memberikan gambaran tentang prestasi masa depan dana itu. Bagaimanapun, kita perlu mengambil perhatian bahawa prestasi masa lalu tidak menjamin hasilnya pada masa depan. Selain itu, kita perlu menilai prestasi dan pengalaman pengurus dana serta melihat sama ada mereka berjaya mencapai matlamat mereka dari semasa ke semasa.

**4) Penyelidikan dan Penilaian**

Gunakan sumber dan alat penyelidikan yang boleh dipercayai untuk menilai ETF. Agensi penarafan kewangan, laman web khusus, laporan penyelidikan dan artikel pakar boleh memberikan maklumat berharga tentang rekod prestasi, komposisi portfolio serta ciri-ciri lain suatu ETF. Penyelidikan yang mendalam membantu kita membuat keputusan yang termaklum dan berdasarkan pengetahuan.

**5) Struktur dan metodologi Pelaburan**

ETF menggunakan pelbagai strategi pelaburan, termasuk pendekatan pasif, yang menjejak indeks penanda aras, manakala pendekatan aktif melibatkan pengurusan portfolio aktif. Pastikan kita memahami strategi pelaburan ETF dan selaraskan ia dengan keutamaan dan jangkaan pulangan sendiri.

**Kesimpulan**

ETF menawarkan pelabur pilihan pelaburan yang fleksibel, pelbagai dan cekap. Untuk memilih ETF yang terbaik, pertimbangkan dahulu objektif pelaburan anda, rekod prestasi, kecairan, kos, struktur pelaburan, saiz dana dan penyelidikan yang tersedia. Pertimbangkan faktor-faktor ini dengan teliti supaya dapat membantu pelabur mengenal pasti ETF yang paling sesuai dengan keperluan dan matlamat kewangan mereka.

**Lee Chee Meng**
**Pengurus, Pemantauan Korporat**

---

## Tinjauan Mingguan AGM/ EGM MSWG untuk tempoh 18 hingga 22 Mac 2024

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman sesawang MSWG di www.mswg.org.my

| Tarikh dan Masa | Syarikat | Tinjauan ringkas |
|---|---|---|
| 18.03.24 (Isnin)<br>10.00 pagi | UMS Holdings Berhad<br>(AGM) | UMS menyaksikan pendapatannya menyusut sebanyak RM3.17 juta atau 4.28% kepada RM70.88 juta, terutamanya disebabkan oleh keadaan pasaran yang lemah. Bagaimanapun, untung sebelum cukai hanya berkurangan sebanyak RM0.14 juta atau 2.46% kepada RM5.56 juta, terutamanya disebabkan oleh ketiadaan rosot nilai ke atas muhibah (tahun kewangan berakhir 2022: RM1.05 juta).<br><br>Pada tahun kewangan 2023, Kumpulan mencatatkan perbelanjaan modal berjumlah RM1.49 juta, sebahagian besarnya untuk menggantikan kenderaan |

| | | |
|---|---|---|
| | | bermotor, kerja-kerja modal dalam proses untuk sistem ERP baharu, peralatan pejabat serta perabot dan kelengkapan. |
| 18.03.24 (Isnin)<br>10.30 pagi | MLABS Systems Berhad<br>(EGM) | EGM ini bertujuan mendapatkan kelulusan pemegang saham untuk cadangan penyatuan setiap 20 saham biasa sedia ada dalam MLABS Systems Berhad ("MLABS") ("Saham MLABS") kepada satu Saham MLABS ("Saham Disatukan"); dan terbitan hak boleh tolak sehingga 217.41 juta Saham MLABS baharu ("Saham Hak") berdasarkan tiga Saham Hak untuk setiap satu Saham Disatukan yang dipegang pada tarikh kelayakan yang akan ditentukan kemudian, berserta sehingga 86.96 juta waran boleh cerai percuma dalam MLABS ("Waran D") berdasarkan dua Waran D untuk setiap lima Saham Hak yang dilanggan. |
| 19.03.24 (Selasa)<br>10.00 pagi | Hartalega Holdings Berhad<br>(EGM) | HARTA berhasrat mendapatkan kelulusan pemegang saham untuk Cadangan Peruntukan Saham Biasa Sedia Ada dalam Hartalega Holdings Berhad ("Saham") di bawah Skim Pemberian Saham Eksekutif (*Executive Share Grant Scheme*, ESGS) kepada tiga Pengarah yang Layak (iaitu Kuan Kam Hon, Kuan Mun Leong dan Kuan Mun Keng), setiap daripada mereka akan diberikan sehingga 3,413,200 Saham sepanjang tempoh ESGS.<br><br>Pada 6 Februari 2024, HARTA melaksanakan ESGS untuk tempoh tujuh tahun. ESGS ini bertujuan memacu dan memotivasikan Pengarah yang Layak dan Kakitangan yang Layak supaya berusaha memberikan prestasi yang lebih baik melalui kesetiaan dan peningkatan produktiviti ke arah mencapai matlamat dan objektif Kumpulan. |
| 19.03.24 (Selasa)<br>11.00 pagi | Sinaran Advance Group Berhad<br>(EGM) | Syarikat sedang berusaha mendapatkan kelulusan pemegang saham untuk cadangan Pengurangan Modal, yang melibatkan pengurangan modal |

| | | |
|---|---|---|
| | | saham terbitan SAG sebanyak RM68,000,000 menurut Seksyen 116 Akta. |
| 21.03.24 (Khamis)<br>10.00 pagi | Lotus KFM Berhad<br>(AGM) | Kumpulan mencatatkan aliran tunai operasi bersih yang positif sebanyak RM6.860 juta pada tahun kewangan berakhir 2023, walaupun lebih rendah berbanding RM11.6 juta yang dicatatkan pada tahun sebelumnya.<br><br>Sementara itu, tunai dan baki bank Kumpulan yang disimpan dalam institusi kewangan meningkat 59% kepada RM16.81 juta berbanding RM10.572 juta pada tahun kewangan 2022. |
| 21.03.24 (Khamis)<br>11.00 pagi | Ingenieur Gudang Berhad<br>(EGM) | Syarikat ingin memohon kelulusan pemegang saham untuk Cadangan Terbitan Bonus Waran, yang melibatkan penerbitan sejumlah 758.3 juta waran, pada asas satu Waran B bagi setiap dua saham sedia ada yang dipegang oleh pemegang saham Yang Berhak. |
| 22.03.24 (Jumaat)<br>10.00 pagi | Bahvest Resources Berhad<br>(AGM) | Bahvest akan mengadakan AGM pertamanya selepas barisan baharu mengambil alih lembaga pengarah dan pengurusan pada Jun 2023. Ahli lembaga pengarah dan barisan pengurusan baharu dijangka akan memberikan lebih banyak penerangan tentang prestasi dan prospek masa depan Bahvest.<br><br>Bagi tempoh kewangan 18 bulan berakhir 30 September 2023, Bahvest mencatatkan pendapatan berjumlah RM200.86 juta, yang diperoleh sepenuhnya daripada jualan 747.91 kg emas dan 479.77 kg perak. Syarikat menjalankan perlombongan emas di Tawau melalui anak syarikatnya, Wullersdorf Resources Sdn Bhd. |

| **Perkara penting untuk diketengahkan:** | |
|---|---|
| **Syarikat** | **Perkara/ Isu penting untuk diketengahkan** |
| UMS Holdings Berhad<br>(AGM) | "Lembaga Pengarah akan mengenal pasti isu kelestarian yang relevan secara progresif sewaktu proses perancangan jangka sederhana dan jangka panjang Syarikat dan akan menggabungkannya sebagai sebahagian daripada petunjuk prestasi utama kami dalam semakan berkala terhadap prestasi |

Kumpulan dalam mencapai visi dan misi Kumpulan." (Halaman 40, Laporan Tahunan 2023)

a) Sila berikan garis masa tentatif untuk mencapai usaha berkaitan kelestarian yang dinyatakan di atas.

b) Adakah Kumpulan mempunyai sumber yang relevan untuk mencapai matlamat berkaitan kelestariannya? Jika tidak, bagaimanakah Kumpulan merancang untuk mendapatkan/ memperuntukkan sumber yang diperlukan?

Lotus KFM Berhad
(AGM)

Prestasi kewangan

| | 2023 RM'000 | 2022 RM'000 (Dinyatakan semula) | 2021 RM'000 | 2020 RM'000 | 2019 RM'000 |
|---|---|---|---|---|---|
| Pendapatan | 58,508 | 66,079 | 51,762 | 55,098 | 57,893 |
| Untung/(rugi) operasi | 2,374 | 2,989 | 2,475 | 9,741 | (3,962) |

(Halaman 4, Laporan Tahunan 2023)

Pada tahun kewangan 2023, LKFM mencatatkan pendapatan yang lebih rendah berjumlah RM58,508,000, berbanding RM66,079,000 pada tahun kewangan 2022, mewakili penurunan sebanyak 11.46% atau RM7,571,000. Ini disebabkan oleh penurunan volum jualan pengilangan tepung dan segmen perdagangan yang disebabkan oleh permintaan yang menyusut dalam pasaran operasi.

Kumpulan mencatatkan keuntungan operasi yang lebih rendah sebanyak RM2,374,000 pada tahun kewangan berakhir 2023 berbanding RM2,989,000 pada tahun kewangan berakhir 2022, mewakili penurunan sebanyak 20.58% atau RM615,000. Hasil keuntungan operasi untuk tahun kewangan berakhir 2023 juga adalah yang paling rendah sejak tahun kewangan berakhir 2020.

a) Bagaimanakah Kumpulan merancang untuk menangani pendapatan dan keuntungan operasi yang semakin rendah pada masa hadapan?

b) Apakah prospek terkini untuk segmen perniagaan Kumpulan pada tahun kewangan berakhir 2024?

Bahvest Resources Berhad
(AGM)

Sepanjang tempoh kewangan 18 bulan berakhir 30 September 2023, Bahvest melaporkan pendapatan dan keuntungan masing-masing berjumlah RM200.86 juta dan RM1.01 juta.

Kos jualan Bahvest kepada pendapatan meningkat dengan mendadak dalam tempoh kewangan berakhir 2023, mewakili 89% daripada jumlah pendapatan berbanding 79.13% pada tahun sebelumnya. Sementara itu, kos pengeluaran emas sekilogram meningkat kepada RM238.8 semasa tempoh kewangan berakhir 2023 – peningkatan 22.12% berbanding RM195.5 pada tahun kewangan 2022.

| | |
|---|---|
| | Disebabkan itu, margin untung bersih Bahvest merosot dengan ketara kepada 0.5% berbanding 8.3% pada tahun kewangan 2022.<br><br>a) Selain pemberhentian sementara operasi pada April dan Mei 2023 yang mengakibatkan volum pengeluaran lebih rendah, apakah faktor lain yang menyumbang kepada peningkatan kos pengeluaran emas sekilogram?<br><br>Memandangkan pengeluaran sudah berjalan lancar, adakah Lembaga menjangkakan kos pengeluaran purata akan terus meningkat? Secara ideal, berapakah kos pengeluaran optimum bagi setiap kilogram emas? Sila berikan pecahan komponen input utama dan nisbahnya kepada kos input keseluruhan.<br><br>Bagaimanakah kesan faktor ini terhadap margin untung bersih pada tahun kewangan 2024?<br><br>b) Kumpulan memperoleh keseluruhan pendapatannya daripada operasi perlombongan yang dijalankan oleh Wullersdorf Resources Sdn Bhd, menerusi jualan 747.91 kg emas dan 479.77 kg perak (halaman 10, Laporan Tahunan 2023)<br><br>Berapakah purata harga jualan sekilogram emas dan perak dalam tempoh kewangan berakhir 2023? Bagaimanakah harga jualan ini berbanding tahun kewangan 2022? Bagaimanakah prospek harga komoditi ini pada masa hadapan?<br><br>c) Bagi membolehkan perbandingan dan penilaian yang lebih baik oleh pemegang saham, kami berharap Syarikat dapat menyediakan jadual yang mengandungi maklumat seperti jumlah pengeluaran emas, purata kos pengeluaran dan harga jualan. |

**PEMANTAUAN KORPORAT MSWG**


Rita Foo, Ketua, Pemantauan Korporat, (rita.foo@mswg.org.my)
Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat, (norhisam@mswg.org.my)
Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat, (chee.meng@mswg.org.my)
Elaine Choo Yi Ling, Pengurus, Pemantauan Korporat, (elaine.choo@mswg.org.my)
Lim Cian Yai, Pengurus, Pemantauan Korporat, (cianyai@mswg.org.my)
Jackson Tan, Pengurus, Pemantauan Korporat, (jackson@mswg.org.my)
Nur Amirah Amirudin, Pengurus, Pemantauan Korporat, (nuramirah@mswg.org.my)
Yan Lai Kuan, Pengurus, Pemantauan Korporat, (yan.laikuan@mswg.org.my)
Lam Jun Ket, Pengurus, Pemantauan Korporat, (lam.junket@mswg.org.my)


***PENDEDAHAN KEPENTINGAN***

*• Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam surat berita ini.*

***PENOLAKAN TUNTUTAN***

*Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).*

*Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.*

*MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.*

*MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.*